

06 DEC 1999

Pemimpin-Mahathir

DR MAHATHIR TEMUI PEMIMPIN BN KEBANGSAAN DAN NEGERI

PUTRAJAYA, 6 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menemui pemimpin kebangsaan dan negeri komponen Barisan Nasional secara berasingan di pejabatnya bagi membincangkan barisan kabinet dan anggota exco kerajaan negeri.

Yang pertama menemui Perdana Menteri ialah Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik. Beliau tiba pada pukul 8.50 pagi.

Pemimpin komponen BN lain ialah Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu dan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Pada pilihan raya umum ke 10 Isnin lepas, BN sekali lagi diberi mandat membentuk kerajaan setelah memenangi 148 daripada 193 kerusi Parlimen.

Pemimpin peringkat negeri yang turut berjumpa Dr Mahathir ialah Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Samad, Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohamad Ali Rustam dan Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Haji Sukam.

Yang turut kelihatan memasuki perkarangan Jabatan Perdana Menteri ialah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri Kedah Datuk Syed Razak Syed Zain.

Kereta bernombor pendaftaran "KAQ 8" membawa beliau masuk ke JPM pada 4 petang dan dilihat meninggalkan kawasan itu dua jam kemudian.

Dua hari lepas, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid mengumumkan keengganan beliau dilantik semula ke jawatan itu sebagai tanda rasa tanggungjawab terhadap kemerosotan prestasi BN di Kedah pada pilihan raya kali ini.

Shahidan yang ditemui pemberita berkata surat pelantikan beliau sebagai Menteri Besar Perlis yang diterimanya daripada Dr Mahathir ditandatangani oleh Perdana Menteri pada 2 Dis lepas.

Katanya, beliau akan mengangkat sumpah Rabu ini manakala barisan exco akan berbuat demikian Selasa minggu depan.

Ketika ditanya sama ada Exco Perlis yang baru akan menggandingkan muka lama dan muka baru, beliau berkata: "Belum pasti lagi...saya belum hantar senarai secara rasmi kepada perdana menteri."

Walaupun 10 anggota exco boleh dilantik, Shahidan berkata hanya lima akan dipilih buat sementara waktu dan seorang lagi akan ditambah kemudian.

Shahidan berkata pada pertemuan dengan Dr Mahathir itu, mereka membincangkan prestasi BN Perlis dalam pilihan raya umum lepas.

Samy Vellu, yang ditemui pemberita, berkata: "Terpulang kepada Dr Mahathir untuk menentukan kedudukan saya."

Ling, yang juga Menteri Pengangkutan dan Lim, Menteri Perusahaan Utama tidak bercakap kepada pemberita.

-- BERNAMA

TM MAI